

**PERATURAN PERTANDINGAN SUKAN TENIS
SUKAN SABAH (SAGA) XI, TAWAU 2025
(LELAKI DAN WANITA)**

1.0 PERATURAN AM

- 1.1 Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung, pertandingan ini akan dijalankan mengikut peraturan terbaru **undang-undang Tenis** sebagaimana yang ditetapkan oleh **Persekutuan Tenis Antarabangsa (ITF)**.
- 1.2 Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirannya, maka undang-undang dalam Bahasa Inggeris akan dipatuhi.
- 1.3 Kejadian di luar dugaan dan tidak dinyatakan dalam peraturan berkenaan akan diputuskan seperti berikut:
 - 1.3.1 Semua kejadian am akan diputuskan berasas kepada **Peraturan Am Sukan Sabah (SAGA) XI, Tawau 2025**.
 - 1.3.2 Sebarang perselisihan teknikal akan diputuskan berasas kepada Undang-undang **Persekutuan Tenis Antarabangsa (ITF)**.
- 1.4 Semua keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Tenis Sukan Sabah (SAGA) XI, Tawau 2025 adalah muktamad.

2.0 TARikh PERTANDINGAN DAN TAKLIMAT PENGURUS PASUKAN

- 2.1 Taklimat Pengurus Pasukan : **11 Oktober 2025**.
- 2.2 Pertandingan ini akan bermula pada **11 hingga 17 Oktober 2025**.

3.0 TEMPAT PERTANDINGAN

- 3.1 Pertandingan ini akan diadakan di **Gelanggang Tenis, Kompleks Sukan Tawau & Gelanggang Tenis IPG Tawau**.

4.0 PENYERTAAN

- 4.1 Penyertaan hanyalah kepada semua daerah di negeri Sabah sahaja. Penyertaan hendaklah dibuat melalui daerah masing-masing.
- 4.2 Daerah-daerah yang mengambil bahagian hendaklah menghantar borang penyertaan kepada Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Sukan Sabah (SAGA) XI, Tawau 2025.
- 4.3 Setiap kontinjen hanya boleh mendaftarkan satu (1) pasukan lelaki dan satu (1) wanita sahaja yang terdiri daripada:

| | Lelaki | Wanita |
|-------------------|----------------|----------------|
| Pengurus Pasukan | 1 orang | - |
| Jurulatih Pasukan | 1 orang | 1 orang |
| Peserta | 5 orang | 5 orang |
| Jumlah | 7 orang | 6 orang |

5.0 PENDAFTARAN, KELAYAKAN PESERTA & JURULATIH

- 5.1 Hanya peserta yang lahir pada tahun **2005 hingga 2012** sahaja yang layak didaftarkan oleh sesuatu pasukan.
- 5.2 Semua pasukan hendaklah mengemukakan salinan Kad Pengenalan dan gambar berukuran Pasport semasa pendaftaran peserta.
- 5.3 Sebarang pertukaran peserta/atlet atau pindaan/pertukaran kategori perlu mengisi **Borang Y** (pertukaran atlet) dan dihantar kepada Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan sebulan sebelum kejohanan bermula.
- 5.4 Pendaftaran dan kelayakan peserta adalah tertakluk kepada **Peraturan Am Perkara 4.8 dan 4.9**.
- 5.5 **Jurulatih sukan Tenis setiap daerah perlu memiliki sekurang-kurangnya Sijil Kejurulatihan Tahap 1 atau Sijil Sains Sukan Tahap 1.**

6.0 MESYUARAT PENGURUS PASUKAN

- 6.1 Taklimat pengurus pasukan akan diadakan satu (1) hari sebelum pertandingan pertama dijalankan.
- 6.2 Pengurus-pengurus pasukan dikehendaki mengemukakan senarai nama peserta berserta dengan Kad Pengenalan. **Tambahan kepada bilangan peserta yang telah didaftarkan tidak dibenarkan.**
- 6.3 Senarai peserta yang disahkan semasa Taklimat Pengurus Pasukan adalah muktamad.

7.0 ACARA

- 7.1 Pertandingan ini terbahagi kepada acara-acara seperti berikut:
 - 7.1.1 **Perseorangan Lelaki;**
 - 7.1.2 **Perseorangan Wanita;**
 - 7.1.3 Berpasukan Lelaki (2 perseorangan dan 1 beregu);
 - 7.1.4 Berpasukan Wanita (2 perseorangan dan 1 beregu).

8.0 SISTEM PERTANDINGAN

- 8.1 Dimana penyertaan terdiri daripada enam (6) hingga lapan (8) pasukan, maka pertandingan peringkat awal akan dijalankan secara liga satu pusingan dan dalam dua (2) kumpulan iaitu Kumpulan 'A' dan Kumpulan 'B'.
 - 8.1.1 Keempat-empat pasukan yang berjaya ke peringkat separuh akhir di Kejohanan Peringkat Negeri Sabah akan menjadi pasukan Pilihan atau 'seeded'. Pasukan Johan dan pasukan tempat Keempat akan dimasukkan kedalam kumpulan 'A', pasukan Naib Johan dan pasukan tempat Ketiga akan dimasukkan ke dalam kumpulan 'B'. Pasukan-pasukan yang lain akan diundi bagi menentukan kumpulan masing-masing.

8.1.2 Pusingan Kedua

8.1.2.1 Johan kumpulan A akan melawan Naib Johan Kumpulan B manakala Johan Kumpulan B akan melawan Naib Johan Kumpulan A.

8.1.2.2 Perlawanan akan dijalankan secara sistem kalah mati.

8.1.3 Pusingan Akhir

8.1.3.1 Pemenang bagi perlawanan Johan Kumpulan A melawan Naib Johan Kumpulan B akan bertemu pemenang bagi perlawanan Johan Kumpulan B melawan Naib Johan Kumpulan A.

8.1.3.2 Pasukan kalah di dalam kedua-dua kumpulan akan diisyiharkan sebagai pemenang tempat Ketiga.

8.2 Sekiranya empat (4) hingga lima (5) pasukan mengambil bahagian, pertandingan akan dijalankan secara liga satu pusingan. Pasukan yang mendapat mata tertinggi akan diisyiharkan sebagai Johan.

8.3 Dimana penyertaannya terdiri daripada sembilan (9) hingga sebelas (11) pasukan, maka pertandingan Akhir bagi menentukan Johan dan Naib Johan pasukan. Sementara kedua-dua pasukan yang kalah akan diisyiharkan sebagai pemenang tempat Ketiga.

8.3.1 Johan, Naib Johan dan tempat Ketiga dalam pertandingan Peringkat Negeri Sabah akan ditempatkan dalam kumpulan seperti berikut:

| | | |
|------------|---|---------------|
| Kumpulan A | - | Johan |
| Kumpulan B | - | Naib Johan |
| Kumpulan C | - | Tempat Ketiga |

8.3.1.1 Pasukan-pasukan lain akan ditempatkan dalam tiga kumpulan tersebut melalui undian.

8.3.1.2 Sekiranya pasukan yang diutamakan (*seeded*) tidak mengambil bahagian maka pasukan terbaik berikutnya hendaklah dipertimbangkan kedudukannya.

8.3.2 Pusingan Kedua (Separuh Akhir)

8.3.2.1 Johan dan Naib Johan dalam setiap kumpulan akan ditempatkan ke dalam kumpulan X dan Y dengan mengadakan undian.

8.3.2.2 Dari 3 Johan, satu akan ditempatkan ke kumpulan X dan 2 ditempatkan ke kumpulan Y.

8.3.2.3 Naib Johan setiap kumpulan akan ditempatkan di kumpulan lain dari Johan kumpulannya.

8.3.3 Pusingan Akhir

- 8.3.3.1 Johan Kumpulan X akan melawan Johan Kumpulan Y untuk menentukan Johan dan Naib Johan.
- 8.3.3.2 Naib Johan Kumpulan X dan Kumpulan Y akan diisyiharkan sebagai tempat Ketiga.
- 8.4 Jika penyertaannya terdiri daripada dua belas (12) pasukan atau lebih pertandingan peringkat awal akan dijalankan secara liga satu pusingan dalam empat (4) kumpulan iaitu kumpulan 'A', Kumpulan 'B', Kumpulan 'C' dan Kumpulan 'D'.
 - 8.4.1 Keempat-empat pasukan yang berjaya ke peringkat Separuh Akhir di Kejohanan Peringkat Negeri Sabah akan menjadi pasukan pilihan atau '*seeded*'. Pasukan Johan akan dimasukkan ke dalam kumpulan 'A', pasukan Naib Johan akan dimasukkan ke dalam kumpulan 'B', pasukan tempat Ketiga akan dimasukkan ke dalam kumpulan 'C' dan pasukan Keempat dimasukkan ke dalam kumpulan 'D'. Pasukan-pasukan yang lain akan diundi bagi menentukan kumpulan masing-masing.
 - 8.4.2 Pemenang pertama dan pemenang kedua dalam kumpulan A,B,C dan D adalah layak untuk memasuki ke peringkat Suku Akhir yang akan dijadikan secara kalah mati seperti berikut :
 - 8.4.2.1 Undian bagi 4 pasukan pemenang pertama kumpulan akan didahulukan untuk ditempatkan di kedudukan 1, 3, 5 dan 7.
 - 8.4.2.2 Undian bagi pasukan kedua kumpulan untuk ditempatkan di kedudukan 2 dan 4, jika pasukan pertama kumpulannya telah diundi dan ditempatkan di kedudukan 5 atau 7. Manakala 2 pasukan pemenang kedua yang lain akan diundi juga untuk ditempatkan di kedudukan 6 atau 8.
 - 8.4.2.3 Pasukan-pasukan yang menang pada perlawanan Separuh Akhir akan memasuki perlawanan akhir bagi menentukan Johan dan Naib Johan, sementara pasukan-pasukan yang kalah akan diisyiharkan tempat Ketiga.

8.5 Pertandingan Berpasukan

- 8.5.1 Setiap pasukan boleh mendaftar pemain seramai minimum **4 pemain dan maksima 5 pemain**.
- 8.5.2 Aturan atau susunan pemain bergantung kepada strategi pasukan, tiada aturan ranking. Setiap pemain hanya dibenarkan bermain untuk satu (1) acara sahaja pada setiap perlawanan.
- 8.5.3 Senarai peserta bagi satu perlawanan hendaklah diserahkan kepada Pegawai Pertandingan atau Pengadil dalam masa tiga puluh (30) minit sebelum permulaan perlawanan mengikut susunan berikut:
 - 8.5.3.1 Perseorangan Pertama;
 - 8.5.3.2 Beregu;

8.5.3.3 Perseorangan Kedua.

- 8.5.4 Senarai yang telah diserahkan itu tidak boleh diubah walaupun berlaku keuzuran.
- 8.5.5 Semua pertandingan di dalam kumpulan yang dijalankan secara liga, mata kemenangan akan diberi seperti berikut:

| Menang | Kalah |
|---------------|--------------|
| 2 Mata | 0 Mata |

8.6 Diakhir perlawanan dalam sesuatu kumpulan penentuan pemenang akan ditentukan:

- 8.6.1 Pasukan yang mengumpul mata tertinggi sekali.
- 8.6.2 Jika mata sama, pemenang ditentukan dengan perbezaan:
 - 8.6.2.1 Perbezaan Skor;
 - 8.6.2.2 Perbezaan Set;
 - 8.6.3.3 Perbezaan *Games*, jika masih lagi;
 - 8.6.3.4 Pemenang akan ditentukan, pasukan mana yang menang bertanding ketika dalam kumpulan.

8.7 Pertandingan Individu

- 8.7.1 Setiap pasukan boleh mendaftarkan maksima lima (5) pemain lelaki dan lima (5) pemain wanita. Setiap pemain hanya dibenarkan untuk dua (2) acara sahaja dalam kategori individu.
- 8.7.2 Pertukaran pemain tidak akan dilayan selepas pendaftaran atau pertandingan berlangsung.
- 8.7.3 Pertandingan akan dijalankan secara sistem kalah mati.
- 8.7.4 Kategori yang kurang daripada lapan (8) peserta, pihak pengajur akan menentukan sistem pertandingan yang dipertandingkan.

9.0 PERTANDINGAN INDIVIDU

- 9.1 Setiap pasukan boleh mendaftarkan maksima lima (5) pemain lelaki dan lima (5) pemain wanita. Setiap pemain hanya dibenarkan untuk dua (2) acara sahaja dalam kategori individu.
- 9.2 Pertukaran pemain tidak akan dilayan selepas pendaftaran atau pertandingan berlangsung.
- 9.3 Pertandingan akan dijalankan secara sistem kalah mati.
- 9.4 Kategori yang kurang daripada lapan (8) peserta, pihak pengajur akan menentukan sistem pertandingan yang dipertandingkan.

10.0 MENARIK DIRI

- 10.1 Pasukan atau peserta yang terlewat lima belas (15) minit daripada masa yang telah dijadualkan untuk perlawanan akan dianggap memberi kemenangan percuma tanpa bertanding kepada pihak lawannya itu.
- 10.2 Menarik diri (*walk-over*) adalah tidak dibenarkan. Jika ianya berlaku, maka pasukan atau peserta yang berkenaan akan dihukum sebagai menarik diri dari keseluruhan pertandingan itu dan keputusannya tidak akan diambilkira.

11.0 PEGAWAI-PEGAWAI TEKNIKAL

- 11.1 Persatuan Sukan Negeri akan melantik Ketua Delegat Teknikal, Delegat-delegat Teknikal dan Pegawai-pegawai Teknikal setelah berunding dengan pihak LTAM tertakluk kepada **Peraturan Am Perkara 14.2**.

12.0 BANTAHAN/TATATERTIB

- 12.1 Semua pasukan boleh membuat bantahan. Hanya pengurus pasukan sahaja dibenarkan membuat bantahan. Bantahan hendaklah dibuat secara bertulis dengan disertakan Wang Pertaruhan sebanyak **RM 200.00** tunai. Rujuk kepada **Peraturan Am Perkara 16.1 dan Perkara 16.2**.
- 12.2 Wang pertaruhan akan lopus jika bantahan yang dikemukakan itu didapati tidak wajar.
- 12.3 Setiap bantahan hendaklah dihantar kepada Pengarah Pertandingan dalam masa tiga puluh (30) minit selepas pertandingan itu tamat.

13.0 JAWATANKUASA BANTAHAN/TATATERTIB

- 13.1 Pelantikan Jawatankuasa Bantahan/Tatatertib dan aturcara mesyuarat adalah yang digunakan oleh Persatuan Lawn Tennis Sabah seperti berikut:
 - 13.1.1 Pengarah Pertandingan;
 - 13.1.2 Delegat Teknikal LTAM/Wakil;
 - 13.1.3 Tiga (3) orang Pengurus Pasukan yang tidak terlibat dalam kes bantahan/rayuan itu.
- 13.2 Jawatankuasa Bantahan/Tatatertib akan bermesyuarat dalam masa dua (2) jam setelah menerima laporan dari pengadil atau Pegawai Pertandingan dan membuat sesuatu keputusan jika tindakan tatatertib perlu diambil.
- 13.3 Jawatankuasa Bantahan/Tatatertib berhak mendapat sebarang maklumat daripada mana-mana pihak yang berkaitan dengan perkara yang dibincangkan itu untuk membuat sesuatu keputusan.
- 13.4 Keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Bantahan/Tatatertib Lawn Tennis Sabah adalah muktamad.

14.0 HADIAH

14.1 Pingat-pingat akan disediakan seperti berikut:

| Acara Lelaki | Emas | Perak | Gangsa |
|---------------|--------------|--------------|---------------|
| Berpasukan | 1(5) | 1(5) | 2(10) |
| Individu | 1 (1) | 1 (1) | 2 (2) |
| Jumlah | 2 (6) | 2 (6) | 4 (12) |

| Acara Wanita | Emas | Perak | Gangsa |
|---------------|--------------|--------------|---------------|
| Berpasukan | 1(5) | 1(5) | 2(10) |
| Individu | 1 (1) | 1 (1) | 2 (2) |
| Jumlah | 2 (6) | 2 (6) | 4 (12) |

14.0 Pemberian Pingat-pingat kemenangan adalah tertakluk kepada **Peraturan Tetap 14.3.**